

Kelantan, Terengganu bersedia hadapi banjir

BH 26/11/2006.

JPS pantau paras sungai di kawasan dijangka terjejas teruk

Oleh Wan Faizal Ismayatim dan Baharom Bakar

KOTA BHARU: Kelantan dan Terengganu sudah bersedia menghadapi bencana banjir yang dijangka buruk tahun ini.

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan sudah membuat pemantauan berterusan di laman stesen penyukat paras sungai dan 14 mesin telemetrik di seluruh negeri ini.

Pengarah JPS Kelantan, Lim Chow Hock, berkata semua pegawai dan kakitangan sudah dikerah memastikan semua alat terbabit berfungsi dengan baik, selain maklumat disampaikan dengan lebih berkesan.

“JPS akan melakukan pemantauan mengenai paras sungai apabila berlaku hujan berterusan dan maklumat diperoleh akan segera disa-

lurkan kepada bilik gerakan banjir.

“Jika sungai mencecah paras waspada, JPS akan mengemas kini maklumat paras air selama enam jam sekali diikuti paras amaran selama dua jam sekali dan apabila paras sungai mencecah bahaya, maklumat akan disalurkan sejam sekali,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kerajaan akan membuka 4,050 pusat pemindahan banjir seluruh negara bagi menampung kira-kira sejuta mangsa bagi menghadapi banjir yang dijangka buruk tahun ini.

Keputusan itu dibuat dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Pusat bagi membincangkan persiapan menghadapi musim banjir dipengeruskannya.

Dalam pada itu, Lim berkata, ke-

FAKTA NOMBOR

Persiapan banjir

8

Stesen penyukat paras sungai dipantau di Kelantan

4,050

Pusat pemindahan seluruh negara

376

Pusat pemindahan di Terengganu

tika ini paras sungai di Kelantan masih pada tahap biasa dan tidak membimbangkan berikutan cuaca tidak menentu iaitu panas dan kadang-kala hujan.

Di **KUALA TERENGGANU**, JKM negeri menyediakan 376 pusat perpindahan banjir termasuk 89 pangkalan hadapan di seluruh negeri sebagai persiapan awal menghadapi banjir.

Persiapan termasuk mengenal pasti pusat perpindahan banjir untuk menampung kira-kira 46,526 mangsa banjir sudah dilakukan sejak awal bulan ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam Hadhari dan Kebajikan, Datuk Rosol Wahid berkata, kerajaan negeri menyediakan peruntukan RM100,000 untuk menyediakan keperluan makanan.